

Lampiran 1 (a) Nota serahan



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN. BHD.

NOTA SERAHAN

JABATAN: EDITORIAL

DARIPADA *Faridah*

NO N/S

KEPADA *En Zainal/ Eksekutif Kengluvar*

TARIKH *23/2/05*

TAJUK *ASAM PEDAS GULA MELAKA*

BERSAMA-SAMA INI DISERTAKAN:

Manuskrip beserta soft copy untuk lay-out

CATATAN

Rujuk borang untuk format buku

[Signature]
24/2/05

Lampiran 1 (b) Butir-butir Penerbitan



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN. BHD.

PRODUKSI
PEMASARAN
FAIL

BUTIR-BUTIR PENERBITAN DARIPADA JABATAN EDITORIAL

Tajuk buku: ASAM PEDAS GULA MELAKA Tarikh: 23/2/05
 Editor: FARIDAH SHAMSUDIN No. ISBN: _____

BUTIR-BUTIR PEMASARAN

Format: 140 x 215 mm Bilangan halaman: 650 Harga RM: 43.00 Diskaun: 30%
 Bilangan cetak: 3000 Jilid kulit keras: _____ Jilid kulit lembut:
 Saingan: Tajuk buku: Belum ada di pasaran buvan seperti ini. Harga RM: -
 Penerbit: _____

BUTIR-BUTIR MANUSKRIP

Manuskrip mengandungi: 650 halaman lengkap/~~tidak lengkap~~
 Saiz buku: Semi popular
 1. Kulit buku depan 7. Pendahuluan 12. Singkatan _____
 2. Kulit buku belakang 8. Isi/kandungan 13. Pengenalan _____
 3. Halaman judul 9. Senarai jadual _____ 14. Lampiran _____
 4. Halaman kiri judul 10. Senarai ilustrasi 15. Bibliografi _____
 5. Dedikasi 11. Senarai rajah _____ 16. Indeks _____
 6. Prakata

ARAHAN KHAS

Lay-out buku hendaklah dibuat mengikut saiz yang telah ada dan butiran hendaklah disiapkan untuk percetakan pada 5 Mac 2005. Ilustrasi hendaklah dibuat dalam bentuk kartun.

BUTIR-BUTIR PENGEKOSAN

Royalti: 10% Pendahuluan RM: -
 Lain-lain perbelanjaan: Artwork: RM 2500
 Saiz warna: _____
 Terjemahan: _____

BUTIR-BUTIR PROGRAM


Jangkaan: Ms siap ditamp set: - Prof kedua: 19 Mac 2005
 Gatei: - Prof ketiga: 31 Mac 2005
 Prof pertama: 5 Mac 2005 Filem: 7 April 2005
 Tarikh penerbitan yang dicadangkan: 11 April 2005

Tandatangan editor: Jas. Tarikh: 23/2/05

Lampiran 1(c) Arahan muka depan



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN. BHD.

SPINE	FRONT PANEL
<p>ASAM PEDAS GULA MELAKA</p> <p>NORBI HUSIN</p> <p>LOGO UP&D</p> 	<p>ASAM PEDAS GULA MELAKA } Tajuk</p> <p>Memaparkan suka duka kehidupan } subtajuk seorang pengetua dalam mentadbi. Sekolah</p> <p>NORBI HUSIN } Penulis</p>

Lampiran 1(d) Arahan untuk tajuk di depan



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN. BHD.

TITLE PAGE

ASAM PEDAS GULA MELAKA

Memaparkan suka duka kehidupan seorang pengetua dalam mentadbir sekolah

NORBI HUSIN

Lampiran 1(e) Arahan untuk kulit belakang



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN. BHD.

BACK PANEL

Buku *Asam Pedas Gula Melaka* ini lebih merupakan sebuah diari kehidupan saya sebagai pendidik dan akhirnya menjadi pentadbir sekolah. Peristiwa suka duka, pahit maung sepanjang menjalankan tugas sebagai guru dan kemudian menjadi pengetua sekolah diharap dapat memberi motivasi, iktibar dan teladan kepada semua warga pendidik khususnya yang bakal menjadi pengetua suatu hari kelak.

Sebagai pemimpin di peringkat sekolah, setiap hari saya berhadapan dengan ribuan pelajar, guru, dan ibu bapa yang beraneka ragam. Setiap orang mempunyai cita rasa yang berbeza tetapi yang pasti mereka mahukan diri mereka mendapat perhatian dan layanan yang terbaik daripada pengetua khasnya dan sekolah amnya. Lantaran itu tugas pengetua sentiasa dalam cabaran dan ini menuntut kesabaran, kegigihan, kekuatan dalaman dan ketahanan yang amat tinggi.

Lampiran 2 Laporan Penerbitan Buku

Program Penerbitan Tahun 2005

22 April 2005

Lampiran B

NO	JUDUL	KULIT BUKU	TEKS	TARIKH TERBIT	CATATAN
Fuzana					
1	Buku Panduan Reka Cipta Elektronik & Robotik	Siap	1st p.p.	Jan-03	Semakan ilustrasi oleh editor
2	Community Design	Siap	3rd p.p.	Mac-03	Semakan penulis.
3	Hadith & Islamic Architecture	Designer blm terima	Final	Ogos-04	Semakan editor.
4	Adventure on Penang Island	Siap	1st p.p.		Semakan penulis.
5	A Beginner's Guide to Conducting Academic Research for Thesis and Reports	Designer blm terima	1st p.p.	Jan-04	Pembetulan di production.
6	Aneh Betul Soalan Anda (Terjemahan)	Siap	1st p.p.		Semakan editor.
7	Kisah Menarik Sains	Siap	Editing		Semakan editor.
8	Bidayuh Stories		Cetak	April-05	
Zainurin					
1	Antihadith dan Ingkar Sunnah	KIV	2nd p.p.	Ogos-03	Penulis pulang ke Indonesia (KIV).
2	Pedagogi dalam Pendidikan Matematik (Edisi Kedua)	Siap	2nd p.p.	Nov-04	Semakan pembaca prof.
3	Ringgit dan Poket	Dlm proses	3rd p.p.	Mac-05	Ke production pada 19/4/05.
4	Tanaman Hiasan: Khasiat Ubatan & Kegunaan Lain	Dlm proses	Galei	April-05	Ke production pada 23/9/04.
5	Ragam Hias Al-Quran di Alam Melayu	Designer blm terima	1st p.p.	Mac-05	Semakan penulis.
6	7 Rahsia Kecemerlangan Akademik		1st p.p.	Mei-05	Semakan pembaca prof pada 18/3/05.
7	Panduan Penubuhan Perniagaan & Syarikat di M'sia	Designer blm terima	1st p.p.	Jun-05	Semakan pembaca prof pada 5/4/05.
8	Psikologi Kejayaan dalam Menghadapi Peperiksaan		2nd p.p.	Julai-05	Semakan editor.
9	Sedekah: Jaminan Keharmonian Umat Menurut As-Sunnah		Editing	Ogos-03	
Faridah					
1	Bola Sepak	Siap	Cetak	April-05	
2	Siri Matematik (10 Tajuk)	Tunggu a/w	Layout	April-04	Ilustrasi sedang disediakan.
3	Tafsir Pedoman Mutaqqin: Juz 1	Semakan editor	Layout	Mei-05	
4	Tafsir Pedoman Mutaqqin: Juz 29	Belum terima	3rd p.p.	Julai-04	Pembetulan di production.
5	Tafsir Pedoman Mutaqqin: Juz 30	Semakan editor	2nd p.p.	Feb-05	
6	Sejarah dan Falsafah Sains	Belum terima	2nd p.p.	Sept-04	

7	Merancang dan Memulakan Perniagaan	Belum terima	1st p.p.	Feb-05	Semakan pembaca prof.
8	Biskut dari Singapura	Dlm proses	Layout	Jan-05	

9	Cerita Teladan Kanak-kanak (4 Tajuk)	Belum terima	2nd p.p.	Ogos-04	
10	Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu	Belum terima	2nd p.p.	Feb-05	
11	Langsir	Siap	1st p.p.	Jan-05	
12	Cara Berhenti Merokok	Siap	Final	April-05	
13	Asam Pedas Gula Melaka	Siap	Cetak	April-05	
14	Mawar	Guna cover lama	Cetak	April-05	
15	Masakan dari Hotel UiTM	Dlm proses	Penulisan	Ogos-05	
16	Memasak Cara Mudah	Dlm proses	1st p.p.	April-05	
17	Pesona Cinta Arina	Designer blm terima	2nd p.p.	April-05	
18	Koperasi untuk Sekolah Rendah	Designer blm terima	1st p.p.	Mei-05	
19	Patriotisme Malaysia	Semakan penulis	Cetak	April-05	
20	Lebuh Raya Baru Kebebasan Kewangan	Semakan penulis	Cetak	April-05	
21	Kaedah Penyelidikan Sosial		Layout	Jun-05	
22	Pengurusan & Perniagaan Koperasi Sekolah		Layout	Jun-05	

Mahadzir

1	Zakat Menuju Pengurusan Profesional	Designer blm terima	Final	April-05	Semakan penulis.
2	Rukun Kerja Berpasukan	Designer blm terima	Editing	Feb-05	
3	Isu-isu dalam Pendidikan Matematik	Dlm proses	1st p.p.	Mac-05	Semakan penulis.
4	Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (Edisi Baru)	Designer blm terima	Final	Mei-05	Ke production pada 19/4/2005.
5	Tuju Cemerlang Peperiksaan		Final	April-05	Perlu terbit pada 26/4/2005.
6	Cabaran Institusi Keluarga Menghadapi Alaf Baru		Layout		Ke production pada 11/4/2005.

Nor Azah

1	Sup untuk Santapan Rohani Remaja	Siap	Final	Julai-05	Semakan penulis.
2	Kajian Teks SPM: Restu	Designer blm terima	2nd p.p.	Sept-05	Semakan editor.
3	Kajian Teks SPM: Hati Terkenang Mulut Menyebut	Designer blm terima	2nd p.p.	Sept-05	Pembetulan di production.
4	Koleksi Lengkap Cerpen Othman Puteh	Designer blm terima	2nd p.p.	Nov-05	KIV untuk penyediaan "Kata Pengantar".
5	Ufuk Nurani A. Samad Said	Siap	Filem	Mei-05	
6	Bahasa-bahasa Asia Barat: Pedoman Transliterasi	Designer blm terima	3rd p.p.	Mei-05	Semakan penulis/kata pengantar drpd Pengarah Jakim.
7	Trilogi Arena Wati	Designer blm terima	Editing	Julai-05	
8	HSKU04: Detektif Indigo		1st p.p.	Jun-05	Semakan editor.
9	HSKU04: Advencer Si Peniup Ney		Editing	Jun-05	
10	HSKU04: Priittt!		Editing	Jun-05	

11	HSKU04: Antologi Cerpen/Puisi/Kajian & Rencana Sastra		Editing	Jun-05	
12	HSKU04: Antologi Cerpen Remaja		Editing	Jun-05	
13	Trilogi Natasya/Julia/Cinta Madinah		Key-in	Jun-05	

Norashikin

1	Buku Prasekolah - Sains (Buku 2)	Dlm proses	KIV	Nov-03	Semakan penulis.
2	Prasekolah - Matematik 1	Dlm proses	3rd p.p.	Dis-04	
3	Prasekolah - Matematik 2	Dlm proses	KIV	Dis-04	Semakan penulis.
4	Kisah Nur & Teladan Buat Perindu Syurga - Jld 2	Designer blm terima	1st p.p.	Mac-05	
5	Orang yang Bijak	Designer blm terima	3rd p.p.	April-05	
6	Hidup Berbudi	Designer blm terima	3rd p.p.	April-05	
7	Padah Menyamar	Designer blm terima	3rd p.p.	April-05	
8	Dengarlah Nasihat	Designer blm terima	3rd p.p.	April-05	
9	Hidup Sihat	Designer blm terima	3rd p.p.	April-05	
10	Hidup Beradat	Designer blm terima	3rd p.p.	April-05	
11	Sistem Saraan di M'sia: Sistem Saraan Berasaskan Merit		1st p.p.	Mei-05	Pembetulan di production.
12	Cabaran Melaksanakan Sistem Saraan Berasaskan Merit		Layout	Jun-05	Di production.

Badrol

1	Tun Abdul Razak (BM)		1st p.p.	Okt-04	Semakan editor/ memasukkan kapsyen, awalan, akhiran.
2	Pergolakan di Asia	Designer blm terima		2004	Semakan editor/follow up dgn penulis.
3	Pemikir Melayu	Designer blm terima		2004	Semakan editor/follow up dgn penulis.
4	Penyakit & Kesihatan	Designer blm terima	Editing	Mac-05	
5	Panduan Membentuk Sikap Cemerlang	Siap	1st p.p.	Mac-05	Pembetulan di production.
6	Sehelai Nota Sekeping Gambar	Dlm proses	1st p.p.	Jan-05	Semakan editor.

Rozlan

1	Buku Abjad & Perbendaharaan Kata BM	Belum terima	1st p.p.	Okt-03	Semakan gambar & pembetulan
2	Buku Prasekolah - BI : Prewriting	Dlm proses	1st p.p.	Okt-03	
3	Buku Prasekolah - BI : Reading	Dlm proses	Editing	Okt-03	
4	Buku Prasekolah - BM : Pratulisan	Dlm proses	Editing	Okt-03	
5	Buku Prasekolah - BM : Prabacaan	Dlm proses	Editing	Okt-03	
6	Bunga-bunga Cinta	Belum terima	2nd p.p.	Dis-04	Semakan editor.
7	Rona Identiti	Designer blm terima	1st p.p.	Apr-05	Semakan pembaca prof.
8	Komuniti dan Pembangunan	Designer blm terima	Editing	Apr-05	
9	Dialah di Hati	Designer blm terima	Layout	Apr-05	
10	Hati Nurani	Designer blm terima	Layout	Julai-05	

11	Magnet Diri	Designer blm terima	1st p.p.	Jun-05	
12	Panduan Kesehatan Kanak-kanak	Designer blm terima	1st p.p.	Jun-05	

Sheila

1	Career Development and Unemployment Problems ...	Designer blm terima	2nd p.p	Mei-05	Pembetulan di production.
2	11 Proven Tips of Nurturing Top-notch Adolescents		Editing	Jun-05	
3	Teaching and Learning of Mathematics...			Julai-05	Penyusunan bahan.
4	Explore Literature: Modern Poems Vol. 1			Ogos-05	Penyusunan bahan.
5	Explore Literature: Modern Poems Vol. 2			Ogos-05	Penyusunan bahan.
6	Explore Literature: Modern Poems Vol. 3			Ogos-05	Penyusunan bahan.
7	Explore Literature: Modern Poems Vol. 4			Ogos-05	Penyusunan bahan.
8	Explore Literature: Modern Poems Vol. 5			Ogos-05	Penyusunan bahan.
9	Golden Memories: A Collection of Poems	Designer blm terima	Editing	Sept-05	
10	Read, Learn, Colour! 1	Designer blm terima	Editing	Okt-05	A/w dengan artist, tambahan teks oleh penulis.
11	Read, Learn, Colour! 2	Designer blm terima	Editing	Okt-05	A/w dengan artist, tambahan teks oleh penulis.
12	Read, Learn, Colour! 3	Designer blm terima	Editing	Okt-05	A/w dengan artist, tambahan teks oleh penulis.
13	Read, Learn, Colour! 4	Designer blm terima	Editing	Okt-05	A/w dengan artist, tambahan teks oleh penulis.
14	Read, Learn, Colour! 5	Designer blm terima	Editing	Okt-05	A/w dengan artist, tambahan teks oleh penulis.



SUATU PERJANJIAN yang dibuat pada tarikh yang disebutkan pada **Bahagian (1)** dalam Jadual yang terkandung di dalam Perjanjian ini ("Jadual tersebut") di antara Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai alamat perniagaannya di No. 1 & 3, Jalan 3/91A, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Cheras, Kuala Lumpur (kemudian daripada ini tersebut "Penerbit" dan istilah ini jika kandungan ayatnya membenarkan hendaklah termasuk pengganti-pengganti dan penerima-penerima serah haknya) sebagai satu pihak dengan pihak yang nama dan alamatnya disebutkan dalam **Bahagian (2)** pada Jadual tersebut (kemudian daripada ini disebut "Pengarang" dan istilah ini jika kandungan ayatnya membenarkan hendaklah termasuk waris-waris, wasi-wasi, pentadbir-pentadbir dan/atau pengganti-pengganti dan penerima-penerima serah haknya) sebagai pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA Pengarang telah menulis dan/atau memiliki hak cipta sebuah karya yang bertajuk dan dalam bahasa seperti yang tercatat pada **Bahagian (3)** dalam Jadual tersebut.

MAKA DENGAN INI DIPERSETUJUKAN oleh pihak-pihak dalam Perjanjian ini seperti berikut:

Lesen mutlak

1. Tertakluk kepada syarat-syarat dan terma-terma yang dinyatakan kemudian daripada ini, Pengarang dengan ini memberikan kepada Penerbit lesen tunggal dan mutlak di sepanjang tempoh hak cipta sah Pengarang di sisi undang-undang hak cipta yang berkuatkuasa pada tarikh Perjanjian ini, bagi mencetak dalam bentuk buku dan/atau digital edisi pertama karya yang ketika ini dikenali dengan tajuk yang dinyatakan pada **Bahagian (3)** dalam Jadual tersebut (yang kemudian daripada ini disebut "Karya ini") dan bagi kesemua edisi selanjutnya walau dalam apa bahasa jua pun, dan bagi menjual buku-buku tersebut di seluruh dunia.

Hak meringkaskan, memperluaskan, dll.

2. Pengarang memberikan juga lesen tunggal dan mutlak kepada Penerbit di sepanjang tempoh hak cipta sah Pengarang di sisi undang-undang hak cipta yang berkuatkuasa pada tarikh Perjanjian ini, hak tunggal dan mutlak bagi mencetak, menerbit dan mempersirikan edisi pertama karya ini atau edisi selanjutnya dalam bentuk yang dipendek (*abridged*) diikhtisar (*digest*) diringkas (*condensed*) atau diperluaskan (*extended*) dan bagi mengeluarkan sebahagian besar atau mana-mana bahagian daripada Karya ini atau edisi selanjutnya dalam bentuk buku dan dalam apa bahasa jua pun dan menjual buku-buku tersebut di seluruh dunia.

Hak menterjemahkan

3. (1) Pengarang memberikan juga lesen tunggal dan mutlak kepada Penerbit di sepanjang tempoh hak cipta sah Pengarang di sisi undang-undang hak cipta yang berkuatkuasa pada tarikh Perjanjian ini, hak tunggal dan mutlak berikut mengenai karya ini dalam apa bahasa jua pun;

- (a) hak menterjemahkan ke dalam apa jua bahasa lain daripada bahasa asal Karya ini;
- (b) hak penyesuaian;
- (c) hak mengikhtisar (*digest*) memendek (*abridge*) meringkas (*condense*) dan memperluas (*extend*);
- (d) hak mengeluarkan ulang dalam apa jua bentuk termasuk dengan mesin, dalam bentuk digital, perisian komputer atau bentuk elektronik, dan mencetak semula;
- (e) hak mempersirikan dalam akhbar dan/atau majalah sama ada dalam bentuk asalnya atau dalam bentuk kartun dan/atau komik;
- (f) hak pementasan;
- (g) hak memfilem wayang gambar;
- (h) hak menyiarkan melalui televisyen, radio dan melalui apa-apa media siaran secara bunyi dan/atau pandang dengar;
- (i) hak mengeluarkan karya ini dalam apa jua bentuk termasuk bentuk digital; dan termasuk hak-hak tunggal dan mutlak bagi mencetak mengeluarkan menerbit dan menjual di seluruh dunia Karya ini mengikut mana-mana yang berkenaan dalam bentuk atau cara yang dibuat di bawah hak-hak yang tersebut di butiran (b) hingga (i) di atas.

Memberi lesen kecil (sublicense)

(2) Walau apa pun peruntukan yang bertentangan dalam Perjanjian ini, Pengarang dengan ini memberi hak tunggal dan mutlak kepada Penerbit bagi memberi lesen kecil (*sublicense*) atau mengizinkan sesiapa jua pencetak atau orang luar untuk mencetak, mengeluarkan, menerbit, menggunakan dan menjual Karya ini atau edisi selanjutnya bagi Karya ini sama ada dalam bentuk buku atau dalam apa jua bentuk atau cara seperti yang disebutkan di dalam Fasal 2 dan 3 (1) di atas.

4. Untuk mengelakkan apa jua keraguan, dengan ini dipersetujui bahawa Pengarang tidak berhak untuk memberi apa jua lesen, penyerahan hak atau apa jua kebenaran kepada mana-mana pihak lain untuk mencetak, menerbit, menggunakan dan/atau menjual Karya ini dalam apa jua bentuk dan di mana-mana jua, di sepanjang tempoh kuatkuasanya Perjanjian ini selaras dengan Fasal 1, 2 dan 3 (1) Perjanjian ini.

Pelanggaran hak cipta

5. Jika dalam masa berkuatkuasanya Perjanjian ini Penerbit berpuas hati bahawa pelanggaran apa-apa hak di bawah Perjanjian ini telah berlaku Penerbit hendaklah memberi notis bertulis kepada Pengarang mengenai pelanggaran itu. Jika Pengarang setelah menerima notis tersebut enggan atau cuai untuk mengambil tindakan undang-undang bagi mempertahankan hak-hak tersebut maka berhaklah Penerbit bagi kepentingannya sendiri mengambil tindakan undang-undang atas namanya sendiri dan nama Pengarang setelah memberi Pengarang jaminan sepatutnya untuk menanggung segala kos tindakan itu dan dalam keadaan sedemikian apa-apa wang yang diterima sebagai ganti rugi dan kos akan digunakan untuk membayar segala perbelanjaan yang kena dibayar dan selebihnya hendaklah dibayar kepada Penerbit sahaja. Jika Pengarang bersetuju mengambil tindakan undang-undang dan Penerbit ingin disatukan di dalam tindakan itu untuk bersama menuntut dan bersetuju menanggung bersama kos baginya maka apa-apa wang yang diterima sebagai ganti rugi dan kos akan digunakan bagi membayar segala perbelanjaan yang kena dibayar dan selebihnya hendaklah dibahagikan sama rata antara Pengarang dan Penerbit tersebut. Pelantikan/Pemilihan peguam cara untuk tujuan sedemikian adalah dalam budi bicara mutlak Penerbit.

Royalti

6. Tertakluk selalu kepada Penerbit dan Pengarang terlebih dahulu menandatangani Perjanjian ini;

- (1) Sebagai balasan bagi hak-hak yang diberi oleh Pengarang, Penerbit bersetuju membayar royalti kepada Pengarang mengikut kadar yang tercatat dalam **Bahagian (4)** pada Jadual tersebut.
- (2) Sebagai balasan bagi hak yang diberi oleh Pengarang kepada penerbit mengikut Fasal 3 (2) itu Penerbit bersetuju membayar royalti kepada Pengarang mengikut kadar yang tercatat dalam **Bahagian (4)** pada Jadual tersebut.
- (3) Bagi maksud Fasal Kecil (1) di atas royalti tidak kena dibayar bagi naskhah-naskhah yang diberi di bawah Fasal 16 dan 17 atau bagi maksud-maksud penyerantaan kritik ulasan atau pengiklanan ataupun bagi naskhah-naskhah yang sebelum dijual telah termusnah oleh api atau air atau dalam masa pemindahan.

Sistem pembayaran

7. Kira-kira berkenaan royalti dan bayaran-bayaran lain yang terkumpul kepada Pengarang dan pembayaran baginya hendaklah dibuat oleh Penerbit seperti yang tercatat dalam **Bahagian (5)** dalam Jadual tersebut.

Bayaran pendahuluan

8. Penerbit boleh menimbangkan permohonan Pengarang untuk dibayar wang pendahuluan mengikut kadar seperti yang tercatat dalam **Bahagian (6)** pada Jadual tersebut setelah menandatangani perjanjian ini dan menyerahkan skrip bertaip dan ilustrasi yang telah diluluskan.

Jaminan

9. Pengarang memberi jaminan kepada Penerbit bahawa Karya ini dalam bentuknya dan kandungannya yang ada sekarang ialah sebuah karya yang berbentuk asal sepenuhnya dan tidak melanggar hak cipta mana-mana pihak lain dan bahawa tiada orang lain selain Pengarang adalah pemilik hak cipta yang sebenar bagi Karya ini dan bahawa Pengarang tidak pernah memberi sebarang faedah mengenai hak cipta itu secara serah hak atau lesen atau dengan apa jua cara-cara lain kepada mana-mana orang syarikat badan atau firma bagi mencetak dan menerbitkannya dan bahawa Karya ini belum pernah diterbitkan dan selanjutnya Pengarang memberi jaminan bahawa Karya ini tidak melanggar dengan apa jua cara mana-mana hak cipta lain yang ada dan tidak mengandungi apa-apa perkara yang boleh menimbulkan bantahan atau melanggar undang-undang atau yang mengandungi fitnah bertulis atau yang mengaibkan dan bahawa Pengarang dengan ini mengaku akan secara penuh menanggung rugi Penerbit berkaitan dengan apa-apa kerugian kebencanaan atau ganti rosak atau ganti rugi (termasuk segala perbelanjaan di sisi undang-undang serta perbelanjaan peguam atas dasar kos peguam cara dan anak guam yang dibuat dengan sepatutnya) yang tertimpa ke atas Penerbit akibat dari apa-apa kemungkiran Pengarang terhadap jaminan ini atau waad-waad lain Pengarang dalam Perjanjian ini.

Kuasa Penerbit

10. Penerbit mempunyai budi bicara dan kuasa mutlak atas kerja-kerja menyunting dan menyusun format bagi Karya ini dan mempunyai budi bicara yang tunggal mengenai segala keputusan berhubung dengan pengeluaran, penerbitan, pencetakan, penyerantaan, penentuan harga dan penjualan Karya ini.

Pembetulan pruf

11. Walau apa pun peruntukan yang terkandung di bawah Fasal 10 Penerbit atas permintaan Pengarang hendaklah membaca, menyemak dan mengembalikan kepada Pengarang kesemua pruf pencetak mengenai Karya ini dalam masa yang berpatutan dan segala bayaran yang kena dibayar kerana pembetulan penambahan dan pemotongan oleh Pengarang terhadap pruf-pruf tersebut sama ada dalam edisi asal atau dalam mana-mana edisi kajian semula atau edisi selanjutnya sebagaimana yang ada diperuntukkan kemudian daripada ini selain daripada kesilapan-kesilapan pencetak sendiri yang melebihi **sepuluh peratus (10%)** daripada kos asal menyusun huruf hendaklah ditanggung oleh Pengarang dan Penerbit adalah sentiasa berhak memotong bayaran itu daripada apa jua wang yang kena dibayar kepada Pengarang di bawah Perjanjian ini.

Penyemakan

12. (1) Untuk menyediakan cetakan semula atau edisi-edisi selanjutnya selain daripada edisi asal Karya ini Pengarang atas permintaan Penerbit hendaklah mengkaji semula dan menyunting Karya ini dari masa ke masa bagi maksud memperkemaskinikannya dengan syarat jika kerana sesuatu sebab atau halangan Pengarang tidak menyatakan kesanggupannya untuk berbuat sedemikian dalam masa **dua (2) minggu** setelah diminta berbuat demikian itu atau jika setelah menyatakan kesanggupannya tidak pula menyerahkan kajian semula atau suntingan itu kepada Penerbit dalam masa **tiga (3) bulan** daripada tarikh pernyataan kesanggupan itu maka Penerbit adalah bebas sepenuhnya setelah tamatnya mana-mana satu tempoh itu mengikut mana-mana yang berkenaan untuk menggaji bagi maksud tersebut mana-mana orang yang difikirkannya patut bagi mengkaji semula dan menyunting Karya ini dan dengan apa jua kadar upahnya yang difikirkannya patut oleh Penerbit dan Penerbit adalah berhak sepenuhnya untuk memotong harga upahan itu daripada ada jua wang yang kena dibayar kepada Pengarang di bawah Perjanjian ini.

(2) Bermula dari tarikh kematian Pengarang atau apabila Pengarang kerana apa-apa sebab jua pun tidak dapat atau enggan mengkaji semula atau menyunting karya ini mengikut sebagaimana yang dinyatakan di Fasal Kecil (1) di atas maka peruntukan-peruntukan berikut hendaklah berkuatkuasa iaitu;

- (a) Penerbit akan terus membayar kepada Pengarang atau wasi-wasi pentadbir-pentadbir atau penerima-penerima serah haknya dalam masa hayat Pengarang dan selepas itu sepanjang tempoh hak cipta yang sah di sisi undang-undang royalti mengikut yang ditetapkan dalam Perjanjian ini tertakluk kepada pemotongan oleh Penerbit dari jumlah royalti itu jumlah upahan yang kena dibayar di bawah Fasal Kecil (1) di atas; dan
- (b) Penerbit adalah berhak terus menggunakan nama Pengarang dalam semua edisi baharu selanjutnya bagi Karya ini sama ada edisi-edisi tersebut disediakan oleh Pengarang atau oleh orang lain.

Ilustrasi

13. Jika pada pendapat Pengarang dan Penerbit ilustrasi adalah dikehendaki bagi melaksanakan hak-hak Penerbit di bawah perjanjian ini Pengarang hendaklah membekalkan kepada Penerbit dengan percuma tanpa bayaran hak cipta dan apa-apa bayaran lain melainkan jika ada dipersetujukan antara kedua-dua pihak gambar foto, gambar rajah, lukisan, peta dan bahan-bahan lain yang sesuai untuk mengilustrasi Karya ini dan bahan-bahan tersebut yang dibekalkan oleh Pengarang hendaklah dipulangkan kepada Pengarang setelah sempurna digunakan jika yang demikian itu dikehendaki oleh Pengarang akan tetapi Penerbit tidaklah bertanggungjawab atas kerosakan yang tidak sengaja terhadap bahan-bahan itu atau atas kehilangannya sekiranya tidak ada kecauaian di pihak Penerbit dan/atau penggaji-penggajinya.

Kos membekal

14. Jika Pengarang berkehendakkan Penerbit membuat/menyediakan ilustrasi yang diperlukan itu segala kos mengenainya hendaklah ditanggung oleh Pengarang dan kos ini boleh dipotong daripada apa jua wang yang kena dibayar kepada Pengarang di bawah Perjanjian ini.

Tarikh menerbit Karya

15. Bagi melaksanakan hak-haknya di bawah Fasal 1 Penerbit hendaklah menerbitkan Karya ini dalam masa **lapan belas (18) bulan** daripada tarikh pruf terakhir Karya ini diluluskan untuk dicetak dan sekiranya Penerbit mungkir menerbitkan Karya ini dalam masa yang ditentukan itu dengan tidak memberitahu Pengarang akan sebab-sebab kelengahan itu atau mungkir memberitahu setelah diperingatkan mengenainya oleh Pengarang maka dalam keadaan sedemikian sahaja hak-hak yang telah diberikan mengikut Fasal 1, 2 dan 3 hendaklah terserah kembali kepada Pengarang.

Naskhah percuma

16. Pengarang berhak menerima dengan percuma bagi tiap-tiap edisi baharu Karya ini yang diterbitkan sejumlah naskhah seperti yang tercatat dalam **Bahagian (7)** pada Jadual tersebut dan berhak membeli sejumlah naskhah lainnya seperti yang tercatat dalam **Bahagian (8)** pada Jadual pada bila-bila masa yang berpatutan dengan harga 70% daripada harga jualan dengan syarat naskhah-naskhah tersebut hendaklah dibeli untuk kegunaannya sendiri dan bukan untuk jualan kepada mana-mana orang lain.

Naskhah bagi penyerantaan

17. Penerbit menurut budi bicaranya yang tunggal berhak menghadiahkan beberapa naskhah tiap-tiap edisi Karya ini kepada mana-mana pengarang majalah berkala, guru-guru dan orang atau pertubuhan atau badan lain yang menerusinya pada hemat Penerbit akan dapat diperoleh penyerantaan dan/atau sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang yang berkuatkuasa pada ketika itu di Malaysia.

Menghabiskan stok

18. Jika Penerbit berpendapat pada bila-bila masa selepas **dua (2) tahun** ia diterbitkan Karya ini tidak lagi mendapat jualan yang menguntungkan Penerbit adalah bebas sama ada untuk menjual naskhah-naskhah yang masih berbaki itu dengan harga yang rendah atau memusnahkannya dengan apa cara jua pun dan sekiranya dijual dan harga yang didapati itu kurang daripada **dua pertiga (2/3)** daripada harga jualan yang tersiar maka Penerbit adalah terlepas dari sebarang tanggungan untuk membayar royalti kepada Pengarang atas naskhah-naskhah yang dijual secara ini akan tetapi Pengarang mempunyai opsyen untuk membeli naskhah-naskhah berbaki itu mengikut kadar harga yang telah dipersetujukan dan kadar itu tidak boleh tinggi daripada harga yang boleh didapati oleh Penerbit sekiranya Penerbit menjualnya sebagai baki.

Cetak semula

19. Jika naskhah-naskhah Karya ini atau mana-mana butiran Karya ini dalam bentuk seperti tersebut di Fasal 1, 2 dan 3 (1) habis dijual kesemuanya dan tiada lagi didapati di dalam mana-mana edisi jua pun yang diterbitkan oleh Penerbit atau dengan keizinannya Pengarang bolehlah memberi satu (1) bulan notis secara bertulis kepada Penerbit meminta Penerbit supaya bersetuju mengeluarkannya semula atau mencetaknya semula. Jika penerbit gagal memberi persetujuan tersebut melainkan oleh kerana keadaan-keadaan yang di luar kawalannya maka hak-hak Penerbit sebagaimana yang disebut dalam notis itu bagi Karya ini atau mana-mana butiran Karya ini mengikut mana yang berkenaan hendaklah pada tarikh tamatnya tempoh notis itu terhenti tetapi dengan tidak menyentuh apa-apa perkara yang sebelumnya itu telah dilakukan dengan sah di bawah kuasa Perjanjian ini.

Notis

20. Apa jua notis bertulis yang perlu diberi di bawah peruntukan perjanjian ini hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan dengan sempurna sekiranya ianya di alamatkan kepada pihak yang berkenaan dan dihantar secara serahan tangan dan diakui penerimaannya oleh pihak yang menerimanya atau dihantar melalui pos berdaftar berbayar dahulu kepada alamat terakhir yang diketahui pihak yang berkenaan. Notis yang dihantar sedemikian secara pos berdaftar berbayar dahulu hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada pihak yang berkenaan setelah luputnya empat (4) hari setelah notis tersebut diposkan.

Perjanjian penuh

21. Perjanjian ini merupakan perjanjian sepenuhnya (*entire agreement*) antara Pengarang dan Penerbit dan ianya tidak boleh diubah suai, dipinda atau ditukar melainkan dengan satu instrumen yang ditandatangani oleh Pengarang dan Penerbit atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa dengan sepenuhnya.

Tajuk-tajuk kecil

22. Tajuk-tajuk kecil dalam Perjanjian ini adalah dimasukkan hanya untuk kemudahan rujukan dan tidak boleh diambil kira dalam pentafsiran peruntukan-peruntukan Perjanjian ini.

Undang-undang Perjanjian

23. Perjanjian ini hendaklah diertikan dan berkuatkuasa mengikut undang-undang Malaysia. Tiada apa jua pun dalam Perjanjian ini boleh disifatkan sebagai satu perkongsian atau usaha sama antara pihak-pihak dalam Perjanjian ini.

Definisi

24. Dalam Perjanjian ini perkataan "Karya" dan "hak cipta" hendaklah mempunyai makna yang diberikan kepadanya dalam Akta Hak Cipta 1987 atau penggubalan semula statutori atau pindaan Akta tersebut.

Lesen Tak Boleh Batal

25. Untuk mengelakkan keraguan, lesen ini adalah lesen Tak Boleh Batal.

Persetujuan kepada penyerahan hak

26. Pengarang tidak dibenarkan menyerah hak faedah atau manfaat perjanjian kepada mana-mana pihak ketiga tanpa persetujuan bertulis diperoleh terlebih dahulu daripada Penerbit.

Penerimaan tawaran

27. Pengarang dengan ini mengesahkan bahawa ia telah membaca dan memahami kandungan perjanjian ini dan selanjutnya mengesahkan bahawa Penerbit telah memaklumkan kepada Pengarang akan penerimaan oleh Penerbit tawaran Pengarang seperti yang terkandung dalam Perjanjian ini.

SEBAGAI MENGESAHKAN HAL-HAL YANG TERSEBUT DI ATAS pihak-pihak tersebut telah pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis dalam Bahagian (1) pada Jadual tersebut menurunkan tandatangan mereka.

Ditandatangani oleh Pengarang;

.....)
(Pengarang)

(No. K.P.:)

Di hadapan;

.....)
(Saksi)

(No. K.P.:)

Ditandatangani oleh Pengarang;

.....)

.....
(Pengarang)

(No. K.P.:

Di hadapan;

.....)

.....
(Saksi)

(No. K.P.:

Ditandatangani oleh Pengarang;

.....)

.....
(Pengarang)

(No. K.P.:

Di hadapan;

.....)

.....
(Saksi)

(No. K.P.:

Ditandatangani oleh Pengarang;

.....)

.....
(Pengarang)

(No. K.P.:

Di hadapan;

.....)

.....
(Saksi)

(No. K.P.:

Ditandatangani untuk dan bagi pihak Penerbit;

.....)

.....
(Penerbit)

(No. K.P.:

Jawatan:

Di hadapan;

.....)

.....
(Saksi)

(No. K.P.:

JADUAL

Bhg.	Perkara	Butir-butir			
(1)	Tarikhhari bulan dalam tahun			
(2)	Maklumat pengarang atau pengarang-pengarang	1. Nama: No. K.P:	1. Alamat:.....	2. Nama: No. K.P:	2. Alamat:.....
		3. Nama: No. K.P:	3. Alamat:.....	4. Nama: No. K.P:	4. Alamat:.....
(3)	Tajuk Karya: Bahasa Karya:			
(4)	Royalti (Fasal 6)% daripada harga jualan bagi naskhah cetakan pertama yang dijual. % pemotongan seperti Fasal 11, 12, 13 dan 14.	 % daripada harga jualan bagi naskhah cetakan semula yang dijual. % pemotongan seperti Fasal 11, 12, 13 dan 14.	
		Pembahagian Royalti (jika lebih daripada seorang penulis)		Pembahagian Royalti (jika lebih daripada seorang penulis)	
		Nama Pengarang	Peratusan % daripada royalti	Nama Pengarang	Peratusan % daripada Royalti
		1.	1.
		2.	2.
		3.	3.
		4.	4.
(5)	Sistem Pembayaran (Fasal 7) % daripada setelah ditolak 100 naskhah untuk seranta. % daripada bagi cetakan semula.	Royalti akan dibayar setahun sekali mengikut jualan, selewat-lewatnya pada bulan Jun setiap tahun.	
(6)	Pendahuluan (Fasal 8) daripada jumlah anggaran royalti boleh dibayar selepas karya diluluskan untuk penerbitan dan perjanjian ini ditandatangani. daripada jumlah royalti setelah percetakan semula buku itu diluluskan oleh penerbit.			
(7)	Hadiah Ikhlas (Fasal 16) naskhah.			
(8)	Pembelian oleh Pengarang (Fasal 16) naskhah.			